



NEGERI PAHANG

TAMBAHAN PERUNDANGAN

**AKTA KERAJAAN TEMPATAN 1976
Phg. P.U. 22/1998
UNDANG-UNDANG KECIL STOR KAYU DAN KERJA KAYU
(MAJLIS DAERAH PEKAN) 1998**

Tarikh penyiaran:

13 Ogos 1998

Tarikh mula berkuatkuasa:

13 Ogos 1998

SUSUNAN UNDANG-UNDANG KECIL

Mukadimah

- Undang-Undang Kecil 1. Nama dan pemakaian
- Undang-Undang Kecil 2. Takrif
- Undang-Undang Kecil 3. Lesen dikehendaki
- Undang-Undang Kecil 4. Permohonan mendapatkan lesen dan fi.
- Undang-Undang Kecil 5. Tempoh lesen
- Undang-Undang Kecil 6. Pindah milik lesen
- Undang-Undang Kecil 7. Syarat sebelum pengeluaran lesen
- Undang-Undang Kecil 8. Bangunan tidak boleh digunakan bagi maksud tertentu
- Undang-Undang Kecil 9. Pembakaran abuk kayu dan buangan kayu
- Undang-Undang Kecil 10. Menyimpan kayu berpotong
- Undang-Undang Kecil 11. Bayaran perkhidmatan
- Undang-Undang Kecil 12. Penalti

JADUAL PERTAMA

Mukadimah

PADA menjalankan kuasa yang diberikan oleh seksyen 73 Akta Kerajaan Tempatan 1976 [Akta 171], Majlis Daerah Pekan membuat, dan menurut seksyen 103 Akta itu Pihak Berkuasa Negeri mengesahkan, undang-undang kecil berikut:

1. Nama dan pemakaian.

Undang-Undang Kecil ini bolehlah dinamakan **Undang-Undang Kecil Stor Kayu dan Kerja Kayu (Majlis Daerah Pekan) 1998** dan hendaklah terpakai hanya dalam kawasan Majlis Daerah Pekan.

2. Takrif.

Dalam Undang-undang kecil ini, melainkan jika konteksnya menghendaki makna yang lain –

“bengkel tukang kayu” ertinya mana-mana premis di mana kayu berpotong dibentuk dengan tangan atau dengan menggunakan jentera mudah alih atau lekat mati;

“kayu berpotong” ertinya balak bergaji dan kayu berketam yang dimaksudkan untuk tujuan perniagaan, selain daripada kayu yang dimaksud untuk digunakan sebagai kayu api;

“kedai perabot” ertinya mana-mana premis di mana perabot kayu disimpan atau dipamerkan untuk tujuan perniagaan;

“kilang kayu halus” ertinya mana-mana premis di mana tangan atau jentera digunakan untuk membentuk kayu berpotong;

“kilang papan” ertinya mana-mana premis di mana kayu berpotong digergaji dengan gergaji bulat atau gergaji gulung berjentera atau di mana apa-apa bentuk pemprosesan kayu atau pengilangan venir, papan lapis, papan serpai, parket atau lain-lain keluaran kayu dijalankan;

“Majlis” ertinya Majlis Daerah Pekan

“stor kayu” ertinya mana-mana premis yang digunakan untuk menyimpan kayu berpotong, venire, papan lapis atau papan serpai dan termasuk kerja kayu seseorang Pembina, tetapi tidak termasuk stor seseorang kontraktor di atas tapak bina bangunan di mana kayu disediakan dan direka untuk digunakan pada mendirikan bangunan di atas tapak bina itu;

“yad kayu” ertinya mana-mana premis atau kawasan lapang di mana balak atau kayu kasar disimpan.

3. Lesen dikehendaki

Tiada suatupun tanah atau bangunan boleh digunakan untuk menyimpan kayu berpotong atau sebagai kilang papan, kilang kayu halus, bengkel tukang kayu, kedai perabot, stor kayu atau yad kayu kecuali dengan lesen yang dikeluarkan oleh Majlis.

4. Permohonan mendapatkan lesen dan fi.

(1) Permohonan untuk mendapatkan lesen atau membaharui lesen hendaklah dibuat dalam borang yang boleh didapati daripada Majlis.

(2) Fi lesen yang kena dibayar adalah seperti dalam jadual dan hendaklah dibayar terlebih dahulu.

(3) Majlis boleh, apabila dibayar fi lesen yang ditetapkan, memberi kepada pemohon satu lesen dengan apa-apa syarat sebagaimana yang difikirkan patut.

(4) Majlis boleh menurut budibicaranya yang mutlak mengurangkan fi lesen mana-mana premis dengan tidak lebih daripada setengah kadar yang ditetapkan dalam Undang-Undang Kecil ini jika pada pendapatnya wajar dikurangkan.

5. Tempoh lesen.

Sesuatu lesen adalah tamat tempohnya pada 31hb Disember tiap-tiap tahun melainkan jika dibaharui.

6. Pindah milik lesen.

(1) Semasa sesuatu lesen masih berkuatkuasa Majlis boleh, atas permohonan pemegang lesen itu, membenarkan lesen itu dipindah milik kepada orang lain.

(2) Fi pindah milik adalah dua puluh peratus daripada kadar fi lesen yang ditetapkan.

7. Syarat sebelum pengeluaran lesen.

(1) Sesuatu lesen tidak boleh dikeluarkan melainkan jika Majlis berpuashati bahawa:

(a) semua perubahan binaan atau lain-lain perubahan kepada premis untuk mengelakkan mudarat atau melindungi daripada kebakaran telah disiapkan dengan sempurnanya;

(b) premis itu dilengkapi dengan kelengkapan menentang kebakaran yang cukup; dan

(c) ada jalan keluar masuk yang secukupnya untuk memberi peluang yang munasabah kepada semua orang melarikan diri jika berlaku kebakaran.

(2) Sebelum mengeluarkan lesen Majlis boleh menghendaki pemegang lesen supaya memasang di premis itu apa-apa cara ganti udara atau pengasing habuk yang menggunakan jentera sebagaimana diluluskan oleh Majlis.

8. Bangunan tidak boleh digunakan bagi maksud tertentu..

Tiada seorangpun boleh menggunakan mana-mana bahagian kilang papan, yad kayu, stor kayu, bengkel tukang kayu, kedai perabot atau kilang kayu halus –

(a) bagi maksud tidur atau menyimpan alatan tempat tidur;

(b) bagi menyimpan atau menggunakan cat, gilap, varnish, spirit yang mudah terbakar atau lain-lain bahan mudah terbakar;

(c) sebagai bilik rehat;

(d) bagi maksud menyediakan atau memasak makanan; dan

(e) bagi maksud selain daripada maksud ia diluluskan pada asalnya.

kecuali mana-mana bahagian yang dibenarkan oleh Majlis secara bertulis dan menurut cara dan tertakluk kepada apa-apa had, sekatan atau langkah awasan yang ditetapkan oleh Majlis.

9. Pembakaran abuk kayu dan buangan kayu.

Seseorang pemegang lesen tidak boleh membenarkan mana-mana orang membakar abuk kayu atau buangan kayu dalam kawasan premis berlesen melainkan jika pembakaran itu diluluskan oleh Majlis.

10. Menyimpan kayu berpotong.

Seseorang pemegang lesen hendaklah memastikan yang semua kayu berpotong di premis berlesen disimpan atau dilonggokkan dengan cara kemas dan teratur hingga memuaskan hati Majlis dan dengan sedemikian cara supaya tidak menghalangi jalan masuk, jalan keluar atau laluan.

11. Bayaran perkhidmatan

Majlis boleh melevi apa-apa bayaran, caj atau fi bagi apa-apa perkhidmatan Majlis yang diberikan berkaitan dengan Undang-Undang Kecil ini.

12. Penalti

Seseorang yang melanggar mana-mana peruntukan Undang-Undang Kecil ini adalah melakukan suatu kesalahan dan boleh apabila disabitkan, dikenakan denda tidak lebih daripada dua ribu ringgit atau penjara selama tempoh tidak lebih daripada satu tahun atau denda dan penjara itu kedua-duanya dan bagi kesalahan yang berterusan denda sebanyak tidak melebihi dua ratus ringgit bagi tiap-tiap satu hari kesalahan itu diteruskan selepas sabitan.

JADUAL

Undang-Undang Kecil 4(2)

FI

Ringgit Setahun

1.	Kilang Papan	2,500
2.	Yad Kayu	1,000
3.	Stor Kayu	
	(i) Luas lantai hingga 140 Meter persegi	200
	(ii) Luas lantai di antara 141 Meter persegi hingga 200	400
	(iii) Luas lantai melebihi daripada 280 meter persegi	600
4.	Bengkel tukang kayu	200
5.	Kedai perabot:	
	(i) Luas lantai sehingga 140 Meter persegi	300
	(ii) Luas lantai di antara 141 meter Persegi hingga 280 meter persegi	500
	(iii) Luas lantai melebihi daripada 280 meter persegi	700
6.	(i) Jualan terompah	100
	(ii) Pengusahaan terompah	100
	(iii) Jualan dan pengusahaan terompahj	100
7.	(i) Kilang kayu halus	500
	(ii) Pengusahaan perabot	500
	(iii) Kilang kayu halus dan Pengusahaan perabot	500
8.	Premis rawatan kayu / masak kayu	1,000
9.	Membuat dan menyeter arang	200 sebulan
10.	Pelbagai	300 sebulan

Dibuat 25 Januari 1989.

Disahkan 28 Disember 1994.
[SUK. Phg. (KT) 5504 SJ. 2.]

*Yang Dipertua
Majlis Daerah Pekan*

*Setiausaha,
Majlis Mesyuarat Kerajaan Pahang*